

Headline **Zahid Hamidi dikumia PhD**
Date **27. Feb 2008**
Media Title **Berita Harian**
Section **Nasional**
Circulation **217991**
Readership **762968**

Language **MALAY**
Page No **23**
Article Size **232** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



Zahid Hamidi dikurnia PhD

KUALA LUMPUR: Senat Universiti Putra Malaysia (UPM) pada mesyuaratnya 21 Februari lalu meluluskan pengurniaan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Komunikasi kepada Timbalan Menteri Penerangan Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Dr Zahid akan menerima ijazah kedoktorannya pada majlis konvokesyen UPM, Oktober depan, kata Timbalan Dekan Sekolah Pengajian Siswazah Prof Dr Hasanah Mohd Ghazali dalam kenyataan semalam.

Bagi menyempurnakan pengajiannya, Dr Zahid menyiapkan tesis bertajuk 'Manifesto Barisan Nasional Sebagai Agenda Akhbar Bahasa Melayu Semasa Tempoh Kempen Pilihan Raya Umum'.

Kajian itu dijalankan untuk mengenal pasti penggunaan manifesto Barisan Nasional (BN) sebagai agenda akhbar bahasa Melayu iaitu *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* ketika Pilihan Raya Umum bagi tahun 1982, 1986, 1990, 1995 dan 1999.

Dr Zahid ketika diminta mengulas mengenai pengurniaan itu berharap kejayaannya menerima PhD pada usia 55 tahun akan mendorong golongan muda meneruskan pengajian pada peringkat lebih tinggi.

Beliau menyifatkan dorongan besar kepada kejayaannya berdasarkan pembelajaran sepanjang hayat dan berharap ia akan mendorong anak mengikut jejak langkahnya.

"Saya harap kejayaan ini mendorong rakan politik terutama yang lebih muda untuk belajar pada peringkat lebih tinggi. - Bernama